



## KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 29 JUN 2020

#### STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa terdapat **16 kes** yang telah pulih dan dibenarkan discaj pada hari ini. Jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 dan telah discaj daripada wad adalah sebanyak **8,334 kes** (96.5 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

#### STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Sehingga 29 Jun 2020 pukul 12:00 tengah hari, terdapat **tiga (3) kes** baharu yang telah dilaporkan. Ini menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **8,637 kes**. Oleh itu, **jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 adalah 182 kes**. Mereka telah diasingkan dan diberi rawatan.

Ingin dimaklumkan daripada tiga (3) kes baharu yang dilaporkan, satu (1) kes adalah kes import yang mendapat **jangkitan di luar negara** yang melibatkan warganegara Malaysia. Kedua-dua kes **penularan di dalam negara** adalah di kalangan warganegara Malaysia:

- Selangor: satu (1) kes saringan pra prosedur bagi rawatan penyakit barah darah;
- Sabah: satu (1) kes saringan tempat kerja (iaitu sebuah pasar) di Sandakan.

Sehingga kini, sebanyak empat (4) kes positif COVID-19 yang sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU). Daripada jumlah tersebut, **satu (1) kes memerlukan bantuan pernafasan**

Adalah dimaklumkan bahawa **tiada** pertambahan kes kematian berkaitan COVID-19 dilaporkan pada hari ini. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah kekal sebanyak **121 kes** (1.40 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

## **HUKUMAN BOLEH DIKENAKAN KE ATAS INDIVIDU YANG MELANGGAR PERINTAH PENGAWASAN DAN PEMERHATIAN DI RUMAH BAGI COVID-19**

Seperti yang KKM pernah maklumkan sebelum ini, Perintah Pengawasan dan Pemerhatian di Rumah atau *Home*

*Surveillance Order* (HSO) telah mula dikuatkuasakan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) sejak 10 Jun 2020. Ini selaras dengan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).

Bilangan *Person Under Surveillance* (PUS) yang didiscaj dari pusat kuarantin pada 10 Jun 2020 dan kemudiannya diletakkan di bawah HSO adalah seramai 5,909 orang, iaitu bagi melengkapkan tempoh kuarantin 14 hari. Namun demikian, daripada jumlah ini hanya 4,437 orang yang telah direkod menjalani ujian COVID-19 di Klinik Kesihatan / klinik swasta pada hari ke-13. Daripada jumlah tersebut, tiga (3) kes telah dikesan positif COVID-19. Seramai **1,472 orang masih perlu menjalani ujian COVID-19 hari ke-13.**

Ingin dimaklumkan bahawa semua individu yang pulang dari luar negara (iaitu termasuk rakyat Malaysia, pemastautin tetap dan mereka yang dibenarkan masuk atas urusan kerja) **wajib menjalani kuarantin di tempat kediaman masing-masing selama 14 hari** seperti yang dinyatakan dalam Garis Panduan Perintah Pengawasan & Pemerhatian Di Rumah Kediaman (*Annex 14b*).

Individu di bawah perintah ini juga dikehendaki mengikut beberapa langkah seperti yang telah ditetapkan dalam Garis Panduan Pengurusan COVID-19 di Malaysia No.5/2020 (*Annex*

*10a dan 10b: Home Assessment Tool*). Antara syarat yang ditetapkan adalah seperti berikut:

- Memakai pelitup separuh muka (*facemask*) sepanjang perjalanan dari Pintu Masuk Antarabangsa ke rumah.
- Jika bergejala, hubungi Pejabat Kesihatan Daerah yang terdekat.
- Gelang perintah pengawasan hendaklah dipakai sepanjang masa perintah pengawasan dan pemerhatian.
- Menjalani ujian COVID-19 pada hari ke-13 di Klinik Kesihatan / klinik swasta yang diiktiraf oleh KKM dan mendapatkan salinan keputusan ujian tersebut.
- Hadir ke Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) yang terdekat dengan laporan ujian COVID-19 untuk mendapatkan pelepasan daripada menjalani perintah pengawasan dan pemerhatian di rumah, serta untuk menanggalkan gelang perintah pengawasan pada hari ke-14 oleh PKD.

Kerajaan memandang berat kepatuhan Perintah Pengawasan dan Pemerhatian ini. Ingin dimaklumkan bahawa kegagalan mematuhi perintah ini dan syarat-syarat yang terkandung di dalamnya adalah merupakan satu kesalahan di bawah Seksyen 22, Akta 342. Sekiranya disabitkan dengan kesalahan ini, individu yang terbabit boleh dikenakan hukuman di bawah Seksyen 24, Akta 342.

Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) bersama agensi lain yang terlibat telah diberi kuasa untuk mencari dan mengambil tindakan ke atas individu yang didapati melanggar syarat di bawah perintah ini. **Mereka boleh dikenakan denda atau dipenjarakan atau kedua-duanya.**

Justeru, pihak KKM menyeru pengembara yang pulang ke Malaysia supaya terus memberi kerjasama kepada pihak KKM dan patuh kepada syarat di bawah perintah ini. Ahli keluarga kepada individu yang diletak di bawah HSO juga perlulah memainkan peranan dengan menasihati dan memastikan mereka akur serta tidak melanggar arahan sehingga boleh mengakibatkan mereka dikenakan hukuman. Kerjasama semua pihak adalah diharapkan agar kita dapat sama-sama memutuskan rantai penularan jangkitan COVID-19 di Malaysia.

## **NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19**

KKM ingin mengingatkan masyarakat untuk terus mengamalkan nasihat-nasihat kesihatan yang disarankan oleh KKM iaitu:

- **Elakkan 3S / 3C:** iaitu elakkan kawasan yang **sesak (*Crowded place*)**, elakkan kawasan yang **sempit (*Confined space*)** dan elak sembang atau bertutur dengan jarak yang **dekat (*Close conversation*)**.

- **Amalkan 3W:** iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (**Wash**), sangat digalakkan memakai alat pelitup separuh muka (penutup hidung dan mulut - *facemask*) di tempat awam atau jika bergejala (**Wear**), dan (**Warn**) iaitu amaran dari KKM yang lebih berkonsep peringatan seperti:
  - Elak bersalaman / bersentuhan;
  - Amalkan etika batuk dan bersin;
  - Dapatkan rawatan segera jika bergejala;
  - Duduk di rumah dan elakkan kunjung-mengunjung;
  - Lakukan aktiviti disinfeksi dan pembersihan di kawasan yang kerap disentuh.

Selain itu, ingatlah kepada S.O.P, iaitu:

- **S:** Syarat-syarat seperti yang ditetapkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP);
- **O:** Orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu dilindungi, individu tidak sihat dan bergejala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan;
- **P:** Penjarakan sosial (*social distancing*) diamalkan pada setiap masa iaitu sekurang-kurangnya 1 meter.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang

diperolehi daripada pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**DATUK DR. NOOR HISHAM ABDULLAH**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

29 Jun 2020 @ 5.00 petang

**LAMPIRAN 1****BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA  
(SEHINGGA 29 JUN 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

<b>NEGERI</b>	<b>BILANGAN KES BAHARU *( )</b>	<b>BILANGAN KES KUMULATIF</b>
<b>PERLIS</b>	0	18
<b>KEDAH</b>	0	97
<b>PULAU PINANG</b>	0	121
<b>PERAK</b>	0	258
<b>SELANGOR</b>	2 (1)	2,046
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	0	1,025
<b>MELAKA</b>	0	256
<b>JOHOR</b>	0	691
<b>PAHANG</b>	0	365
<b>TERENGGANU</b>	0	111
<b>KELANTAN</b>	0	157
<b>SABAH</b>	1	371
<b>SARAWAK</b>	0	571
<b>W.P. KUALA LUMPUR</b>	0	2,436
<b>W.P. PUTRAJAYA</b>	0	97
<b>W.P. LABUAN</b>	0	17
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>3 (1)</b>	<b>8,637</b>

\*( ) adalah merujuk kepada kes-kes import